



**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 PUTRAJAYA  
Tel: 03 – 8892 6600      Fax: 03 – 8892 6616

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF SUKMA PERLIS XVII 2014 DAN BERBUKA PUASA BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Kuala Lumpur, 9 JULAI 2014 –** YB Dato' Seri Utama Tunku Adnan Bin Tunku Mansor Menteri Wilayah Persekutuan akan menyempurnakan Majlis Penyampaian Insentif SUKMA Perlis XVII 2014 Dan Berbuka Puasa Bersama Persatuan-Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan. Majlis akan bermula Jam 6.00 petang bertempat di Dewan Merak Kayangan FELDA, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

2. Penyerahan Insentif ini bersempena penyertaan Kontinjen Wilayah Persekutuan (WIPERS) ke Kejohanan SUKMA XVII, Perlis 2014 yang telah berlangsung pada 24 Mei hingga 4 Jun 2014 di beberapa Venue pertandingan sekitar Perlis. Dalam majlis ini YB Menteri Wilayah Persekutuan akan menyerahkan Wang Insentif kepada para atlet, pengurus dan jurulatih Wilayah Persekutuan yang telah menyumbang pingat emas kepada kontinjen Wilayah Persekutuan semasa SUKMA Perlis 2014 yang lalu.

3. Penyerahan Insentif ini juga bertujuan untuk meraikan dan memberi penghargaan kepada para pemenang di atas kejayaan yang telah mereka capai. Antara lainnya penyampaian Insentif ini juga sebagai satu pengiktirafan serta galakan kepada para atlet Wilayah Persekutuan untuk berusaha meningkatkan prestasi dalam meneruskan kecemerlangan di SUKMA akan datang.

4. Majlis ini turut diadakan bagi meraikan para pengurus, jurulatih, atlet serta para pagawai dan urusetia yang telah memberikan kerjasama serta komitmen yang jitu dalam menjayakan dan mempersiapkan Kontinjen Wilayah Persekutuan menghadapi SUKMA XVII Perlis 2014.

5. Kontinjen Wilayah Persekutuan telah berjaya menjadi juara keseluruhan SUKMA ke-17, Perlis 2014 dengan memperoleh **55 emas, 38 perak dan 49 gangsa** menerusi 24 jenis sukan yang dipertandingkan. Atlet-Atlet Wilayah Persekutuan juga merupakan pemecah rekod SUKMA ke-17 dan tiga orang daripada atlet Wilayah Persekutuan tersenarai sebagai 10 pemenang pingat tertinggi SUKMA ke-17, Perlis 2014.

6. Setiap Atlet yang menyumbang pingat emas akan menerima insentif sebanyak **RM5,000** bagi individu dan **RM4,000** bagi berpasukan, bagi atlet yang menyumbang pingat perak akan menerima insentif sebanyak **RM1,500** bagi individu dan **RM1,000** bagi berpasukan dan insentif sebanyak **RM1,000** bagi individu dan **RM800** bagi berpasukan untuk setiap atlet yang menyumbang pingat gangsa. Selain itu insentif sejumlah **RM500** juga turut diberikan kepada para pengurus dan **RM1,000** kepada setiap jurulatih pasukan yang telah berjaya mencapai sasaran pingat emas yang telah dijanjikan.

7. Harapan YB Menteri kepada Kontinjen WIPERS supaya terus berusaha untuk meningkatkan prestasi mereka dan YB Menteri juga berharap agar Kontinjen Wilayah Persekutuan dapat mengekalkan kedudukan pertama dalam SUKMA 2016 di Sarawak akan datang.

**Disediakan oleh :**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar**  
1 Julai 2014